



**MULTAQA ULAMA SEDUNIA**  
**ملتقى العلماء العالمى**  
**WORLD CONFERENCE OF ISLAMIC SCHOLARS**  
Putrajaya, 10-12 Julai, 2003

**KERTAS KERJA XI**

**Islam Dan Tuduhan Terrorisme**

Oleh:

Ustaz Eì-Hadi Mohamed Eì-Mabrouk Eì-Gumati


Putrajaya, Malaysia

11 Julai, 2003

# Islam dan Tuduhan Terrorisme

Oleh:

Ustaz El-Hadi Mohamed El-Mabrouk El-Gumati



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah s.w.t., Tuhan sekalian alam. Segala puji bagi Allah s.w.t. atas nikmat iman dan kemuliaan Islam. Seterusnya, segala puji bagi Allah s.w.t. yang telah mempertemukan kita di negara Islam ini atas keyakinan terhadap Yang Maha Esa.

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang telah berfirman di dalam kitab suci-Nya,

‘Siapakah yang lebih baik amalannya daripada mereka yang menyembah Allah s.w.t. dan berbuat kebaikan, lalu berkata, “sesungguhnya aku seorang Muslim.”’

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., Rasul untuk seluruh umat manusia yang memimpin manusia daripada kegelapan kepada cahaya. Baginda telah bersabda yang bermaksud,

‘Sesiapa yang Allah s.w.t. kehendaki kebaikan ke atasnya, maka diberikan kefahaman tentang agama dan para ulama adalah pewaris para anbiya’.

## **Salam Sejahtera (Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh)**

Pertama-tama adalah menjadi kewajipan kita untuk melahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga serta penghargaan dan penghormatan yang setinggi-tingginya terhadap negara Islam yang hebat di Timur ini serta rakyat dan kerajaan Malaysia yang mempunyai hubungan yang akrab dengan kita oleh suatu keyakinan yang suci iaitu Islam, atas jemputan untuk perhimpunan yang diberkati dan berjaya menghimpunkan para ulama dari dunia Islam serta para kenamaan dari seluruh negara. Tujuan kita adalah untuk membincangkan beberapa isu dan perkara yang berhubung dengan umat Islam hari ini serta memilih kaedah yang terbaik untuk menyatukan

umat serta mengelakkan perpecahan dan perbezaan pendapat. Ia juga bertujuan untuk sama-sama membina masa depan ummah yang lebih gemilang, berasaskan penyatuan ummah dengan izin Allah s.w.t., seperti mana yang Allah s.w.t. kehendaki dalam firman-Nya yang bermaksud,

‘Sesungguhnya (agama tauhid) ini adalah agama kamu semua, agama yang satu dan Aku adalah Tuhanmu, maka sembahlah Aku.’

(*Surah al-Anbiya’ : 92*)

Saya telah memilih tajuk ‘Islam dan Tuduhan Terrorisme’ sebagai pembentangan saya dalam Multaqa Ulama Sedunia ini, dari perspektif perkataan ‘terrorisme’ yang berulang kali dihebahkan menerusi pelbagai media maklumat dan cubaan menghuraikan segala kesannya terhadap Islam dan umatnya.

Sekiranya Bahasa Arab menjadikan perkataan yang digunakan sebagai acuan kepada makna yang dinyatakan, maka perlulah untuk kita mengkhususkan implikasi linguistik kertas kerja ini. Dengan itu bolehlah kita mendapatkan persefahaman sebenar ciri-ciri yang akan kita bincangkan dan bentangkan dalam kertas kerja ini. Ini adalah kerana dengan adanya spesifikasi ini dalam acuan bahasa dan faktornya yang khusus boleh menjelaskan makna yang sebenar, tanpa menimbulkankan salah faham, keraguan atau kekaburan.

Saya merujuk kepada buku dan kamus Bahasa Arab yang tertentu, dan saya tidak menemui perkataan *Aslama* – menganut agama Islam dan makna meminta dan menguasai. Islam bermakna penyerahan dan pengabdian kepada Allah yang Maha Berkuasa dengan mematuhi suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Daripada firman Allah s.w.t. yang bermaksud,

“Kata orang Badwi, “Kami telah beriman.” Katakanlah “Kami belum beriman”, tetapi katakanlah, “Kamu telah memeluk Islam.”

Daripada Islam: (Aman dan Selamat) yang bermaksud penyucian dan perlindungan daripada penyakit yang lahir dan batin. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud,

“Dia datang dengan hati yang bersih”, iaitu suci dan dilindungi daripada kejahatan. Dikatakan, “Dia mengucapkan selamat dan sejahtera dan Tuhan menyelamatkannya, iaitu melindunginya dan memberikan keselamatan kepadanya.”

Saya mendapati akar kata (dituduh) dan (tuduhan) atau menuduh dia melakukan sesuatu,

iaitu dia menganggap perbuatan terlarang dan jahat, dan orang itu dituduh dan itu, seperti kata-kata seorang pujangga Arab,

Mereka memaksa saya meminum racun tanpa kebencian dan tanpa jenayah dalam kata-kata seorang tertuduh.

Buku bahasa Arab menunjukkan pada akar kata (ganas) yang bermaksud ketakutan dan gangguan seperti firman Allah s.w.t. yang bermaksud,

"Engkau menakutkan dengannya musuh Allah dan musuh engkau," iaitu anda menakutkan mereka dengan tindakan keras yang serupa.

Allah s.w.t. berfirman lagi yang bermaksud,

"Dan takutkan mereka," iaitu mereka menyerang musuh ketakutan dan ketakstabilan psikologi.

Istilah (terrorisme) adalah lazim pada dekad terakhir abad yang lalu oleh implikasi linguistik, budaya dan politiknya hari ini, dan menjadi suatu gaya penulisan maklumat moden dan maksudnya dalam konteks yang digunakan pada era ini. Media maklumat Barat menggunakannya untuk mewajarkan dengannya dasar negara mereka terhadap masyarakat Islam Timur dan umat Islam keseluruhannya.

Situasi ini berlaku selepas kejatuhan kem Timur di Rusia pada tiga dekad terakhir, dan seluruh dunia dipimpin dan dikuasai oleh dasar uni-polar.

Sedangkan agama Islam menjadi punca bagi jiwa manusia untuk beriman dan mengamalkannya. Ia juga merupakan dorongan bagi mereka untuk menangkis dan menceroboh, dan mengekalkan negara dan maruah, dan membuktikan kewujudan umat ini. Sebagai umat terbaik untuk seluruh manusia sepertimana kehendak Tuhan, untuk kebaikan dan mencegah kejahatan, dan mengambil kedudukan semulajadinya di muka bumi ini iaitu umat pertengahan yang menganut agama terakhir. Orang Barat sudah mula menggambarkan agama Islam berkait dengan terrorisme. Mereka melemparkan tuduhan terhadapnya dengan apa sahaja perbuatan atau percakapan yang tidak baik dan yang menyimpang daripada undang-undang alam seperti membunuh, khianat dan kemusnahan. Islam juga diberikan pelbagai gambaran, nama dan nilai seperti Fundamentalis, Penganas Islam, Pelampau Agama, Perkauman, begitu juga kata-kata dan ungkapan lain seperti yang mereka cuba lakukan pada setiap zaman. Islam

tidak bersalah daripada semua itu (perkataan yang keluar daripada mulut mereka tidak benar, kerana mereka hanya berkata dusta). Hanya Allah s.w.t. sahaja yang benar.

Dengan yang demikian, terrorisme adalah suatu rekaan Barat semata-mata. Ia lahir daripada perasaan dendam, angkuh dan gila kuasa. Apabila seseorang itu manusia menipu diri sendiri, dia cuba mengeji sesiapa sahaja yang menyanggahinya dan mengaibkan sesiapa sahaja yang kurang berkuasa daripadanya.

Para ulama yang dimuliakan,

Islam, seperti yang kita semua maklum, agama sejagat yang paling sempurna umat manusia, menghormati semua ajaran samawi yang terdahulu. Islam sentiasa meminta diadakan muzakarah dengan ahli kitab yang lain dan menyeru pengikutnya supaya hidup bersama dengan harmoni dengan semua umat manusia. Islam juga mengajar pengikutnya supaya menghormati hak asasi, dan meminta kita menerima pakai perkara paling mudah dalam semua hal yang diperintahkan kepada kita dan menolak kekerasan dan hal yang ditokok tambah dalam agama.

Allah Yang Maha Agung menurunkan al-Quran kepada nabi dan pesuruh-Nya, Muhammad s.a.w., yang mengesahkan Injil. Ia adalah ajaran terakhir bagi perundangan Allah di muka bumi, yang menyeru manusia membuat kebajikan dan kebaikan untuk di dunia dan akhirat. Ajaran Islam adalah sejagat dan sempurna. Allah tidak menghantar nabinya Muhammad s.a.w. kepada orang Arab sahaja. Seruan kepada Islam tidak ditetapkan oleh masa, tempat atau negeri khusus, serupa dengan semua orang, bukan berkaitan dengan satu generasi secara eksklusif atau bangsa. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud,

“Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqan kepada hamba-Nya (Muhammad s.a.w.), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.”

(Surah al-Furqan 25 : 77)

Dan Allah berfirman dalam surah al-A'raf,

“Kami menghantar engkau hanya kepada semua orang sebagai seorang pendakwah dan pemberi peringatan.”

Allah s.w.t. berfirman lagi,

“Katakanlah, wahai manusia saya adalah Pesuruh Allah untuk kamu semua.”

Nabi s.a.w. bersabda dalam hadis sahih,

“Setiap nabi dihantar kepada kaumnya secara khusus, dan saya dihantara kepada setiap merah dan hitam.”

Islam mewajibkan umatnya mempercayai semua nabi Allah yang terdahulu dan menunjukkan kepada kita bahawa perbezaan antara mereka berhubung dengan ajaran mereka adalah cercaan belaka. Allah berfirman,

“Pesuruh Allah percaya pada wahyu kepadanya daripada Tuhannya dan semua orang beriman percaya pada Allah, malaikat, kitab dan nabi dan rasul-Nya. Kami tidak bezakan antara mana-mana daripadanya.”

Ayat al-Quran yang jelas ini membuktikan keterbukaan dan keperimanusiaan agama ini, dan mengesahkan dengan tepat bahawa ajaran Islam adalah sejagat, dan tergolong dalam agama Allah yang mana semua rasul dihantar dengan asas dan tujuan yang satu untuk membimbing dan mengubah manusia dan menyediakan mereka untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat, sehinggalah Allah menurunkan Rasul Islam, Muhammad s.a.w. dengan ajaran umum dan terakhir dan menetapkan peraturan dan asas yang sesuai untuk semua orang di setiap masa dan tempat. Islam menolak fanatisme atau perkauman, dan menyeru untuk hidup bersama dengan semua orang lain secara selamat dan aman.

Kehidupan bersama dari segi konsep linguistiknya adalah reaksi antara dua orang atau anggota badan atau lebih. Kami menemui dalam buku bahasa perkara berikut: Mereka hidup atas persahabatan dan kasih sayang, termasuk kehidupan bersama yang aman, dan hidup bersama-Nya. Hidup bermaksud bernyawa, termasuk juga makan dan minum, yang merupakan suatu istilah dalam penulisan moden, yang bertujuan memenuhi semangat mereka yang mempunyai agama langit dan amalan kemanusiaan dari pelbagai tamadun untuk bekerja untuk mengadakan keselamatan, keamanan dan kerjasama bagi kebajikan semua manusia tanpa penolakan atau perkauman berkenaan dengan warna atau etnik.

Ajaran Islam juga menekankan perpaduan manusia melalui kesamarataan, dan menyeru kepada kehidupan bersama antara semua bangsa manusia, orang dan kaum dalam suasana kasih sayang. Al-Quran menyatakan,

“Wahai manusia, Kami telah mencipta kamu lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berpuak dan kaum agar kamu mengenali satu sama lain. Yang paling mulia disisi Allah ialah mereka yang paling takwa di kalangan kamu.” Tuhan yang dipercayai.

Nabi Muhammad s.a.w. bersabda dalam khutbah Wida' baginda yang terkenal di Bukit Arafah termasuk yang berikut,

"Wahai manusia, kamu semua berasal daripada Adam, dan Adam adalah daripada tanah. Tiada kelebihan seorang Arab ke atas seorang Parsi, mahupun seorang Parsi ke atas seorang Arab, mahupun berkulit merah ke atas yang hitam, mahupun yang hitam ke atas yang merah melainkan ketakwaan."

Perpaduan kemanusiaan ini diterima pakai oleh Islam bagi kehidupan bersama antara manusia termasuk seruan untuk persaudaraan manusia dan secara berterusan dengan mengenali satu sama lain, berurusan secara betul dan membuang permusuhan dan perbezaan pendapat yang sering boleh membawa kepada peperangan dan pertumpahan darah.

Islam menganjurkan dihormati hak asasi sekitar 1424 tahun yang lalu, sebelum dikenali dengan teori sosial, perundangan dan politik moden. Kita suci al-Quran memperuntukkan kemuliaan manusia lebih daripada makhluk lain. Allah berfirman,

"Kami memuliakan manusia."

Allah s.w.t. berfirman lagi,

"Kami telah mencipta manusia dalam bentuk yang terbaik."

Kemuliaan ini adalah umum kepada semua manusia, tidak kira keadaan etnik, bangsa, warna atau status sosial atau harta benda. Undang-undang Islam menganjurkan hak kehidupan kepada semua, menjamin kereribadian roh, tubuh dan anak-anak, harta dan agama. Hak untuk hidup dijamin dalam firman Allah,

"Jangan bunuh jiwa yang Tuhan haramkan, melainkan dengan hak."

Hukuman ditetapkan kerana melanggar peruntukan ini dalam firman Allah,

"Wahai orang yang beriman, hukuman dituliskan kepadamu berhubung dengan bunuh."

Perpaduan sosial antara individu masyarakat adalah suatu tugas yang ditetapkan dalam firman Allah s.w.t.,

“Dalam harta mereka hak orang miskin dan papa.”

Allah berfirman yang bermaksud,

“Dan orang-orang yang beriman, sebahagiannya menjadi penolong bagi sebahagian yang lain.”

*(Surah al-Taubah : 71)*

Seorang Islam tidak mengasingkan dirinya daripada masyarakat, tetapi hidup bertolong bantu antara satu sama lain dalam urusan harian dan kemasyarakatan. Nabi pilihan, s.a.w. bersabda dalam konteks ini,

“Seorang yang jelas mendapat faedah harus kembali kepada mereka yang memerlukan, dan sesiapa yang mempunyai makanan berlebihan harus kembalikannya kepada mereka yang tiada makanan.”

*(Diriwayatkan Muslim dalam kitab hadis sahihnya)*

Islam menolak perbezaan antara manusia berdasarkan bangsa atau warna kulit antara manusia dengan menjelaskan ciri persamaan antara mereka berasaskan ketakwaan kepada Allah dan melakukan kebaikan hasil ketakwaan itu. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud,

“Yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling takwa.”

Islam memerintahkan manusia supaya belajar dan mencari ilmu pengetahuan, dan mencarinya dalam isi kandungan langit dan bumi. Dalam al-Quran banyak ayat yang menerangkan bahawa semua kehidupan di dunia ini dicipta untuk berkhidmat kepada manusia dan diperlakukan mengikut kehendaknya, memandangkan ia satu-satunya makhluk yang dimuliakan oleh Tuhan serta dianugerahkan pelbagai kemuliaan sejak kelahirannya, sepanjang hayatnya malahan selepas kematiannya.

Dalam bidang agama, ibadat dan tanggungjawab yang diperlukan secara umum, Islam memberi kebebasan beragama (tiada paksa dalam agama) tetapi terdapat peringatan dan dakwah dengan menggunakan akal, menyeru berbuat baik dan menghormati kebebasan berfikir dan bercakap. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud,

“Serulah ke jalan Tuhan-Mu dengan hikmah dan bijaksana.”

Allah berfirman lagi yang bermaksud,

“Ingat, kerana engkau hanya seorang pemberi ingat, dan bukannya lebih daripada orang lain.”

Semua tanggungjawab di sisi undang-undang tidaklah sukar bagi manusia mempercayai ataupun susah untuk dijalankan. Allah berfirman,

“Tuhan membebani seseorang itu hanya apa yang mampu ditanggungnya,” dan “Tuhan tidak menjadikan agama untuk menyusahkan kamu,”

Nabi s.a.w. bersabda,

“Agama itu mudah, dan sesiapa yang melanggar agama akan menjadi lemah.”

Para ulama yang dimuliakan,

Perkara ini merujuk kepada intipati agama dalam Islam, hukum dan peraturannya, dan doktrin tegas, prinsip keselamatan, niat yang betul dan toleransi dalam berurusan dengan orang lain. Maka bolehkah ia dikatakan sebagai sebuah agama perkauman ataupun agama terrorisme, dan bolehkah pengikut dan penganutnya dikatakan sebagai ekstremis atau fundamentalis? Tidak, demi Tuhan. Namun, sejak sejarah awal Islam telahpun wujud golongan ekstremis dan ia diwarisi hingga kini, sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud,

“Orang Yahudi mahupun Nasrani tidak akan berpuas hati dengan engkau sehinggalah engkau mengikuti agama mereka.”

Allah berfirman lagi yang bermaksud,

“Mereka tidak akan mematuhi ajaran agama seseorang yang beriman apa-apa rahmat atau kewajipan. Mereka berkata hanya untuk memuaskan kamu sedangkan hati mereka menidakkannya.”

Allah juga berfirman yang bermaksud,

“Mereka akan terus menentang kamu sehinggalah mereka memalingkan kamu daripada agama kamu sekira mereka boleh.”

Mereka sentiasa cuba melemahkan Islam dengan berbagai-bagai cara dan kaedah, menyebarkan pakatan di kalangan penganut Islam secara dalaman dengan menubuhkan kumpulan ekstremis (Zanadika) dan melatih dan mengajar mereka idea salah yang tidak berkaitan dengan agama, lalu menyebarkannya di pelbagai negara Islam demi menjayakan matlamat mereka untuk merosakkan ajaran Islam sebanyak mungkin, "dan Allah akan menyempurnakan Agama-Nya walaupun pendusta itu membencinya." Hari ini, mereka mengarahkan pembatalan kurikulum agama daripada pendidikan dalam negara Islam tertentu, kerana mereka merasakan bahawa pendidikan agama menyeru kepada perpaduan ummah yang membentuk peribadi umat serta merangkumi kepada keganasan.

Kini, menerusi pelbagai agen mereka di sesuatu kawasan mereka mendesak agar agama dipisahkan daripada kerajaan agar sekularisme akan bertapak di setiap negara Islam, dan mereka mengatakan melalui konsep mereka yang, "Agama adalah makanan dan negara adalah untuk semua." Mereka lupa yang agama Islam meletakkan pentadbiran negara berdasarkan musyawarah.

Allah berfirman yang bermaksud,

"Hal Ehwal mereka hendaklah dirundingkan sesama mereka." Islam adalah agama dan juga kerajaan.

Kami menyebutkan di sini beberapa daripada rancangan mereka untuk menghancurkan Islam pada zaman ini. Seorang mubaligh Kristian pada abad yang lalu melaporkan tentang kesukaran menyebarkan agama itu di negara Islam. Laporan itu menyebut bahawa: Islam akan kekal menjadi sebuah batu karang yang teguh dan mampu menenggelamkan bahtera pendakwah Kristian selagi Islam mempunyai empat tunggak ini: al-Quran, al-Azhar, solat Jumaat dan perhimpunan tahunan Haji.

Mubaligh Orientalis sedar bahawa sumber yang mengukuhkan perpaduan umat Islam dan menyatu-padukan mereka dalam mengatur kehidupan adalah kerana pegangan mereka kepada kitab Tuhan mereka (al-Quran) "Yang kesalahan itu tidak datang daripada hadapan mahupun daripada belakang, suatu wahyu daripada Yang Maha Bijaksana dan Terpuji," dan dalam Menara Sains Islam yang abadi (al-Azhar yang dirahmati) yang dengannya Allah melindungi ajaran Islam daripada apa juga kepalsuan di sepanjang zaman, yang kesucian abadinya masih, bersinar di seluruh dunia dengan izin Allah. Tambahan pula, perpaduan umat Islam yang terang-kum dalam pertemuan mingguan masyarakat kecilnya di setiap pekan dan kampung dengan melaksanakan Solat Jumaat di Masjid. Ia mengingatkan mereka mengenai memperbaiki urusan kehidupan mereka di dunia dan akhirat.

IKatan persaudaraan Islam yang terbesar ialah perhimpunan umat Islam setiap tahun, apabila mereka datang dari seluruh pelusuk dunia untuk menunaikan ibadah haji melaksanakan perintah Allah di samping dan membincangkan hakikat kehidupan mereka dan masa hadapan bangsa mereka dengan cara yang Allah inginkan dan perintahkan ke atas mereka. Maka, mereka menjadi lebih berkuasa ke atas musuh mereka, dan sukar untuk menjejaskan keyakinan mereka sama ada dakyah Kristian atau agama yang lain, seperti yang diakui oleh mubaligh Kristian itu.

Empat tunggak ini akan kekal dengan kehendak Allah dan panduan yang betul, selagi umat Islam wujud di dunia ini.

Di sini, satu soalan boleh di kemukakan iaitu siapakah sebenarnya yang menyebarkan ketakutan dan terrorisme di hati manusia? Siapakah yang boleh dikatakan sebagai pengganas perkauman? Adakah rakyat Arab di Pakistan atau Iraq, yang mempertahankan negara, bumi dan maruah mereka seorang pengganas? Atau adakah pengganas perkauman adalah mereka yang melanggar semua peratuan antarabangsa, serta tidak mematuhi undang-undang dan keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dan muncul dari arah lautan yang ribuan batu jauhnya, membawa senjata pemusnah yang paling moden untuk menyebarkan ketakutan di hati manusia yang cintakan kedamaian. Juga untuk membakar hangus tamadun bangsa Arab Islam dan masa kini.

Mereka telah memusnahkan khazanah purba dan membakar buku dan khutub khanah serta menceroboh kediaman persendirian, memusnahkan bangunan dan membiarkan pencuri dan perompak berleluasa. Mereka memusnahkan bandar raya bersama penghuninya, dan menghalau mereka yang hidup termasuk orang lelaki tua, janda dan kanak-kanak, mencari tempat berlindung untuk berteduh di dalamnya disebabkan peristiwa buruk yang berlaku kepada mereka atau mencari setitis air demi menyambung harapan untuk meneruskan kehidupan.

Seterusnya mereka berkata, dengan logik mereka yang salah, bahawa mereka sedang mencari pengganas dan mereka yang menyokong dan membiayainya. Pemburuan pengganas itu mengambil masa yang panjang, dan tidak akan dihadkan kepada sebuah negara, kerana mereka mengancam untuk menyerang negara lain. Mereka juga berhasrat untuk mengagihkan wilayah Timur Tengah yang baru dengan stuasi yang menjamin pengesahan kepentingan mereka di wilayah itu.

Tuan-tuan,

Melalui undang-undang rimba adalah logik setiap yang kiat akan mempamerkan kekuatan dan gila kuasa ke atas yang lemah di dunia hari ini. Namun, Tuhan telah menetapkan ketentuannya terhadap seluruh alam ini seperti firman-Nya kepada Malaikat

“Aku akan wujudkan di bumi ini seorang khalifah, mereka berkata, “Adakah engkau menjadikan di dalamnya seorang yang akan merosakkannya dan menumpahkan darah.” Seorang pujangga Libya benar apabila berkata, “Adalah mustahil untuk mencapai keamanan yang berkekalan selagi anak cucu Adam berada di bumi, semoga berjaya mereka yang terus berjuang dalam kehidupan, memandangkan kehidupan adalah cita-cita dan berpusu-pusu.”

Tidak ada peluang bagi negara Islam ini mencari alasan untuk berkuasa yang Allah perintahkan kita untuk mendapatkannya melalui firman-Nya,

“Dan bersedialah untuk mereka apa juga kuasa yang kamu mampu,” dan tidak ada cara untuk menerima pakai program praktikal untuk menghadapi apa yang berlaku dan yang akan berlaku kepada kita oleh Zionisme Yahudi ataupun imperialisme Amerika, melainkan dengan menggunakan cara tamadun dan kejayaan dalam semua bidang.

Sekiranya orang Arab dan muslim mempunyai asas tertentu mengenai kemajuan tamadun, seperti kuasa manusia dan sumber mentah, mereka masih memerlukan sumber pertama dalam setiap tamadun, iaitu kejayaan dalam bidang sains yang paling tinggi untuk mencapai peringkat tertinggi yang ada. Sudah disahkan yang tidak boleh dipertikaikan bahawa cabaran saintifik adalah salah satu cabaran paling besar dalam zaman ini oleh semua konsep dan implikasi sains. Ia adalah suatu cabaran budaya sains dan suatu cabaran saintifik, maklumat, ekonomi dan ketenteraan.

Justeru, inisiatif bagi seluruh perkara berasaskan inovasi saintifik dan keunggulan dalam semua pelbagai bidangnya yang dengan itu menjadikan tamadun itu kejayaan negara. Kita harus mengiktiraf bahawa kuasa Barat, yang kita saksikan hari ini terbit daripada kuasa tamadunnya, dan asas kuasa pertama tamadun ini ialah kuasa (sains) berasaskan pembentukan saintifik individu dan masyarakat, dan perjalanan hal-ehwal kehidupan, penggunaan masa dan penerimaan pakar cara untuk pengurusan yang betul sumber asli dan pembangunan tanah.

Sarjana yang mulia,

Tuan,

Maha suci Allah yang merahmati kita dengan sekumpulan sarjana Islam elit ini yang berkumpul di negara makmur ini untuk membincangkan perkara penting tertentu berkaitan dengan status dan masa depan umat Islam hari ini, yang mengambil prinsipnya daripada kitab Allah dan hadis pesuruh-Nya, Muhammad s.a.w. kerana melakarkan laluan dan menerangi jalan itu, dan mengumpulkan hati umat Islam mengenai kebajikan dan panduan, dan menentang pihak yang sesat dan menyimpang daripada Islam dan mengejutkan musuhnya dengan hikmah dan nasihat baik, berasaskan firman Allah s.w.t. yang bermaksud,

“Tolaklah dengan nasihat yang baik, agar musuh kamu akan menjadi bagaikan dia seorang penyokong akrab.”

Inilah agama sebenar, yang Allah inginkan untuk hamba-Nya. Inilah agama Islam yang terang seperti matahari dalam konsep dan implikasinya, mudah dalam arahan dan undang-undangnya, tinggi dan jelas objektif dan tujuannya, sesuai untuk kehidupan manusia pada setiap masa dan tempat sesuai dengan keperluan sains dan perkembangan kehidupan dan urbanisasi, mempunyai reaksi dengan pembangunan baru dan kemampuan untuk bergerak ke hadapan, bertentangan dengan mereka yang berniat jahat katakan, mereka yang menangguk di air keruh mengatakan bahawa Islam adalah sebuah sistem lama yang ketinggalan zaman, tidak mampu bersaing maju dengan tamadun kontemporari, dan dirahmati inovasi mental dan keajaiban sains yang mengejutkan kita dengan kejutan yang tidak terbayang oleh manusia malah dalam impian “Sepatah perkataan yang keluar dari mulut mereka adalah tidak benar, kerana mereka hanya berkata dusta.”

Tindakan ke atas Islam dengan ketakupayaan berlaku adil menyalahi logik minda.

Khazanah agama kita dibuat, dan termasuk setiap sains di bumi dan langit. Sebuah agama pembebasan, adil dan bertenaga, bukan sebuah sistem fanatik dan ganas. Sebuah agama kasih sayang, belas kasihan, dan aman, bukannya membenci bukan berdendam.

Negara yang diberi petunjuk tidak menghalang mana-mana kemajuan atau menyekat perarakan ahli sains.

Sebuah negara yang diterangi, yang penghuninya berkasih sayang dan tidak membenarkan bersekongkol atau berkomplot.

Ia menggerakkan persamaan secara sah, dan tidak merujuk kepada seorang kulit hitam dengan kehinaan.

Sebuah agama minda, logik dan amal bukan mengacau, kabur atau berbelit-belit.

Ia tidak tenggelam oleh apa juga penemuan baru mahupun terkejut oleh bas angkasa.

Sepertimana (Charlemagne) berasa gentar apabila hadiah khalifah diberikan kepadanya.

Bagaimanakah pembuat janji untuk mengampun dan kemesraan digambarkan dengan ekstremisme dan ganas?

Di bawah bayangannya bergelora kemakmuran Damsyik, Mesir dan al-Zawra, di pantai lautan, lampu al-Zawra menerangi anak-anak di Barat.

Dari tingkah laku individu tidak bertentangan dengan arahan negara yang adil.

Bukanlah kelemahan Islam yang penganutnya menyimpang daripada penunjuk dikejarkan langit; agama itu seharusnya tidak disalahkan bagi penyimpangan ini selagi mereka menolaknya.

Bukanlah abad atau penunjuk Taha atau laluan sahabat yang bijaksana.

Jangan salahkannya, kecacatan itu dalam diri kita. Ia puncak ketinggian dan kemuliaan.

Barat lupa yang ia hidup untuk masa yang lama dalam kegelapannya dengan cahaya Timur yang datang dengan minda yang diterangi dengan cahaya. Saya percaya dengan yakin dalam diri rasul yang datang untuk melenyapkan kejahilan daripada mereka yang jahil.

Saudara Sarjana,

Tuan yang dimuliakan,

Sebagai kesimpulan, saya berdoa kepada Allah s.w.t. agar meninggikan Islam bersama anda agar menjaga agama dan negara kita daripada apa juga kemudaratan, dan memandu kita kepada semua yang Dia kasihi dan berpuas hati dengannya. Dialah Maha Pendengar dan Maha Pemberi Balasan.

Kesejahteraan rahmat Allah ke atas anda semua.